

BIL	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	Kata Alu-aluan Rektor UiTM Cawangan Perak	1
2.	Kata Alu-aluan Timbalan Rektor HEP	2
3.	Kata Alu-aluan Timbalan Rektor HEA	3
4.	Sejarah UiTM	4
5.	Sejarah Penubuhan UiTM Cawangan Perak	5 – 6
6.	Falsafah, Visi dan Misi UiTM	7
7.	Falsafah, Visi, Misi dan Dasar Kualiti UiTM Cawangan Perak	8
8.	Piagam Pelanggan	9
9.	Objektif Kualiti dan Nilai UiTM Cawangan Perak	10 – 12
10.	Objektif Minggu Destini Siswa	13
11.	Peraturan Pelajar Baru	14
12.	Ahli Pengurusan UiTM Cawangan Perak	15 – 18
13.	Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2018 / 2019	19
14.	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	20 – 26
15.	Model Graduan UiTM	27
16.	Senarai Staf Residen Kolej (SRK)	28 – 29
17.	Jawatankuasa Induk Minggu Destini Siswa	30 – 32
18.	Ikrar Pelajar	33
19.	Lagu UiTM DiHatiku	34
20.	Lagu Wawasan Setia Pelajar	35
21.	Kalendar Akademik	36
22.	Panduan Telefon dan Faks UiTM Cawangan Perak	37
23.	Jadual Minggu Destini Siswa Sesi Mac – Julai 2019	38
24.	Penghargaan	39

Sekapur Sirih



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta seluruh kaum keluarga baginda.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan selamat datang ke Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak dan setinggi-tinggi tahniah kepada siswa dan siswi kerana telah terpilih melanjutkan pengajian ke universiti ini. Kehadiran saudara-saudari dalam Minggu Destini Siswa Sesi Mac – Julai 2019 merupakan satu langkah baru dalam menempuh arus penyesuaian diri dengan suasana universiti yang jauh berbeza dari alam persekolahan. Manfaatkanlah segala peluang yang ada sebaik-baiknya di universiti ini demi kesejahteraan diri dan janganlah mensia-siakan ruang untuk menuntut ilmu yang telah anda miliki di sini. Saya berharap agar siswa dan siswi berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadi insan cemerlang yang memiliki modal insan kelas pertama, seterusnya dapat menyumbang ke arah pembangunan dan perpaduan masyarakat, bangsa dan negara tercinta.

Marilah kita bersama-sama menjadikan inovasi sebagai kunci kepada kecemerlangan diri dan kelestarian Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak yang tercinta ini. Terapkanlah perasaan minat dan cinta di dalam diri saudara-saudari terhadap inovasi dalam pelbagai sudut bagi tujuan penambahbaikan proses kerja dan kehidupan seharian yang lebih baik. Melalui inovasi, pemerksaan sumber dan bakat yang ada di dalam diri dapat diserlahkan, seterusnya mampu membawa saudara-saudari sebagai pelajar profesional yang dapat menepati kehendak pasaran global. Dalam mencapai hasrat sebagai pelajar unggul dan berkebolehan, sudah tentunya saudara-saudari perlulah memiliki antara ciri-ciri graduan UiTM iaitu berpengetahuan dan berkemahiran, kreatif, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global dan analitikal, rasional, terbuka, berpandangan jauh, berketrampilan, yakin, bebas, berdikari dan berdaya saing.

Sehubungan itu, bagi memastikan hasrat menjadikan mahasiswa yang progresif tercapai, mahasiswa perlulah menanamkan azam mengukuhkan jati diri tanpa dibolosi dengan unsur-unsur kemunduran dan kelesuan, mengasah tahap keilmuan dan kepelbagaian kemahiran tinggi untuk dibawa dalam arus dunia perdana masa kini, berpersonaliti unggul menerusi nilai-nilai positif seperti berkeyakinan tinggi, berwibawa, mampu bekerjasama dan bertoleransi serta mampu menguasai kemahiran insaniah.

Selain itu, dalam menyelusuri arus perjuangan sebagai pewaris bangsa, sewajarnya mahasiswa juga perlu bersedia menjunjung aspirasi negara, dan memainkan peranan bermakna dalam konteks sosial, ekonomi dan politik negara. Saya yakin bahawa mahasiswa mampu dan bijak dalam mengolah segala pengalaman, ilmu dan kemahiran untuk dikongsi bersama dengan masyarakat tanpa mengira kepelbagaian kaum dan agama khususnya serta menjadi penyuluh intelektual di masa depan negara.

Diharapkan saudara-saudari bukan sahaja tabah malah sedia menyahut cabaran dengan minda yang terbuka dalam menghadapi tempoh pengajian di UiTM Cawangan Perak ini. Akhir kata, semoga anda semua akan terus berusaha untuk berjaya dengan penuh tanggungjawab dan kesedaran memikul amanah diri, keluarga, bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih.



PROF. MADYA SR. DR. MD YUSOF BIN HAMID
Rektor UiTM Cawangan Perak

Sekacip Pinang



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang mengurniakan nikmat kepada semesta alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW dan kaum keluarga serta para sahabat baginda.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada saudara-saudari kerana terpilih menjadi siswa-siswi UiTM Cawangan Perak. Saya percaya bahawa kejayaan ini disambut dengan penuh kesyukuran oleh saudara-saudari serta keluarga.

Mahasiswa merupakan aspirasi kepada perpaduan negara. Maka mahasiswa perlulah sedar akan perpaduan kaum adalah pemboleh ubah penting dalam menentukan kestabilan politik, sosial, malah ekonomi. Mahasiswa merupakan generasi yang akan mewarisi kepimpinan negara pada masa akan datang.

Keazaman saudara-saudari perlulah dipupuk dan disemai supaya menjadi graduan berilmu, berkemahiran tinggi, berdaya saing, berdikari, kreatif dan inovatif, berketrampilan, berpandangan jauh, mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang tinggi, bebas dan yakin, toleran, penyayang, rasional dan bersifat keterbukaan serta mempunyai nilai akhlak yang mulia. Perkara sedemikian sebenarnya akan dapat membantu saudara-saudari menuju kecemerlangan yang diinginkan. Semaikanlah dengan budaya minda yang positif dalam menangani apa jua cabaran sebagai mahasiswa.

Justeru, konsep keserjanaan ilmu wajar menjadi prinsip utama dalam kehidupan setiap mahasiswa. Apa yang paling penting adalah pembelajaran bukanlah hanya untuk kelulusan peperiksaan, memenuhi keperluan kursus atau sekadar untuk mendapat sekeping ijazah sahaja, sebaliknya merupakan momentum ke arah memahami erti kehidupan sebenar. Setiap ilmu yang dipelajari wajarlah ditafsir mengikut kaca mata ilmiah yang betul. Ini kerana makna kata belajar itu sendiri bolehlah disignifikasikan sebagai suatu proses pembinaan idea, penghayatan dan aplikasi ilmu. Sebagai hasilnya, hakikat akhir sesuatu proses pembelajaran itu mampu mendidik dan menuntun mahasiswa ke landasan kebenaran.

Harapan saya agar saudara-saudari menggunakan peluang yang ada dengan bijak dan sebaik-baiknya sewaktu menuntut di UiTM Cawangan Perak ini. Manfaatkanlah segala kemudahan yang ada kerana ia boleh membantu saudara-saudari sekalian untuk menjadi insan berguna. Sudah pastinya sokongan dan dorongan sentiasa diberikan kepada saudara-saudari demi kemajuan dan kecemerlangan dari semasa ke semasa.

Sekali lagi saya ingin melahirkan perasaan gembira dan bangga atas pencapaian cemerlang siswa-siswi kerana dapat meneruskan pembelajaran di UiTM Cawangan Perak ini. Akhir sekali, semoga anda semua berjaya dengan penuh tanggungjawab dan kesedaran untuk memikul amanah diri, keluarga, bangsa dan negara.

Terima kasih.



SR. DR. MOHD AZIAN BIN ZAIDI
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
UiTM Cawangan Perak

Serincih Gambir



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya panjangkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pelajar baharu UiTM Cawangan Perak kerana telah berjaya mendapat tempat antara ribuan permohonan untuk menyambung pelajaran ke UiTM. Sebagai sebuah universiti terbesar di Malaysia, peluang untuk melanjutkan pelajaran adalah terbuka tetapi persaingannya amat hebat.

Mahasiswa progresif adalah mahasiswa yang aktif, menjadi penggerak dan peneraju idea kreatif dan kepelbagaian aktiviti kampus. Tidak dilupakan ialah aspek penglibatan komuniti iaitu prihatin terhadap persekitaran masyarakat dalam aspek politik, ekonomi dan sosial sama ada peringkat nasional atau antarabangsa.

Sejak akhir-akhir ini terdapat kelompok kecil mahasiswa yang menjadi produk UiTM memperkecil-kecilkan fungsi dan perjuangan UiTM dalam melahirkan ilmuan profesional Melayu dan Bumiputera. Media sosial dijadikan platform untuk mencemuh UiTM hanya kerana rasa tidak puas hati yang sedikit tanpa langsung memikirkan kesan buruk perbuatan tersebut. Mahasiswa universiti perlu memandang serius terhadap perkara ini dan kita mengharapkan mereka yang berada dalam komuniti akademik, komuniti ilmuan dan komuniti cendekiawan sentiasa mempertahankan prinsip kebenaran yang berasas dan berteraskan kepada fakta dan angka.

Justeru, jadilah pengguna media sosial yang berilmu dan janganlah lupa perjuangan asal ke UiTM ialah untuk menimba ilmu dan mempertajam kemahiran. Nilai-nilai akademia yang bertunjangkan kepada kebenaran ini harus menjadi paksi kepada mahasiswa untuk melihat sesuatu isu dalam konteks dan perspektif yang betul, bukan menerima bulat-bulat apa yang ditaburkan dan diberi melalui sumber yang tidak sah.

Sayangilah UiTM dan gunakanlah peluang yang ada untuk mengubah potensi diri ke arah yang menjadi mahasiswa yang terbaik. Akhir kata, lonjakkan potensi akademik ke persada global untuk menjadi modal insan pilihan.

Sekian, terima kasih.

DR. NORHAYATI BINTI BAHARUN
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik
UiTM Cawangan Perak

SEJARAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Sejarah Universiti Teknologi MARA (UiTM) bermula dengan penubuhan Dewan Latehan RIDA (1956). Lanjutan daripada Kongres Ekonomi Bumiputera di Kuala Lumpur pada 1965 nama RIDA ditukarkan kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan nama Dewan Latehan RIDA ditukarkan kepada Maktab MARA.

Sebagai usaha untuk menambah bilangan profesional dan separa profesional di kalangan bumiputera, Kerajaan Selangor telah meluluskan sebidang tanah seluas 300 ekar di Shah Alam untuk dijadikan tapak Maktab MARA. Pada 14 Oktober 1967, Y.A. B. Tun Abdul Razak telah meletakkan batu asas pembinaan kompleks ini dan namanya telah ditukarkan kepada Institut Teknologi MARA (ITM). Pada tahun 1976, Parlimen telah meluluskan Akta ITM dan ITM diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia sepenuhnya.

Pada tahun 1996 selaras dengan pindaan Akta ITM, ITM telah diberi kuasa untuk menawarkan kursus di peringkat Ijazah, Sarjana dan Doktor Falsafah. Pada 26 Ogos 1999 ITM sekali lagi menempa sejarah apabila telah dinaikkan status kepada universiti iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai tanda pengiktirafan kerajaan, rakyat dan negara terhadap sumbangan UiTM kepada bangsa Melayu dan negara.

SEJARAH PENUBUHAN UiTM CAWANGAN PERAK

Sejarah UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar bermula dengan penubuhan Institut Teknologi MARA Cawangan Perak. Penubuhannya telah dirasmikan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Ramli Ngah Talib, Menteri Besar Perak pada 1 Januari 1985. Kampus Cawangan ini merupakan kampus yang ke 8 dari 13 buah kampus ITM di seluruh negara termasuk kampus induk di Shah Alam.

Penubuhan kampus ini telah dijalankan dengan kerjasama sepenuhnya dari Kerajaan Negeri Perak. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Perak melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) telah menyewakan beberapa buah rumah kedai serta rumah teres kepada ITM Cawangan Perak sebagai kampus sementara di Bandar Baru Seri Manjung yang terletak lebih kurang 86km ke barat Bandaraya Ipoh.

Di awal penubuhannya kampus ini terdiri daripada 6 unit bangunan rumah kedai dua tingkat dan ditambah dari semasa ke semasa hingga menjadi 15 unit sebagai pejabat pentadbiran, bilik-bilik kuliah, asrama siswi, perpustakaan, surau, dewan makan dan setor.

Di samping itu sebanyak 31 unit rumah teres setingkat telah disewa sebagai asrama bagi penempatan siswa. Pengambilan pertama seramai 200 orang pelajar itu pada Januari 1985 yang mengikuti kursus-kursus Diploma Perakaunan (DIA), Diploma Pentadbiran Awam (DPA), Diploma Pengajian Perniagaan (DBS), Diploma Perbankan (DIB) dan Diploma Sains Kesetiausahaan (DSS). Manakala, kakitangan perintis pula seramai 21 orang kakitangan akademik dan 45 orang kakitangan pentadbiran.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan kemudahan dan bersesuaian dengan sebuah pusat pengajian tinggi, Kerajaan Negeri Perak telah memperuntukkan kawasan seluas 285.5 ekar di Bandar Baru Seri Iskandar sebagai tapak kampus tetap ITM Cawangan Perak. Kerja-kerja awal fasa 1 Kampus Seri Iskandar yang terdiri dari Bangunan Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur (FSPU) dan bangunan asrama telah dirasmikan oleh Y.A.B. Menteri Besar Perak pada 3 April 1995. Pada 1 Januari 1997 Kampus Seri Iskandar telah mula digunakan dengan menempatkan seramai 786 orang pelajar dari FSPU.

Pada 21 Julai 1998 majlis perasmian Kampus Seri Iskandar telah disempurnakan oleh Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah mewakili Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

Selain Kampus Seri Iskandar, Kampus Metro yang terletak di Station 18, Jalan Pengkalan, Ipoh telah mula beroperasi pada bulan Jun 2002. Kampus ini diwujudkan bagi menyediakan lebih banyak peluang pelajar bumiputera di sekitar Ipoh melanjutkan pelajaran. Kampus ini memberi tumpuan kepada pengajian luar kampus serta menyediakan prasarana yang bersesuaian dan kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran.

Terkini, UiTM (Perak) Kampus Tapah telah memulakan operasi bermula Oktober 2010 yang memfokuskan kepada bidang ICT. Kampus Tapah terletak di Tapah Road, Tapah mempunyai bangunan pentadbiran, bangunan akademik, asrama siswa dan asrama siswi.

Pembangunan UiTM Cawangan Perak telah berkembang dengan pembukaan Kampus Tapah yang telah mula beroperasi pada Oktober 2010. UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah menawarkan program bagi :-

1. Fakulti Sains Komputer dan Matematik
2. Fakulti Perakaunan
3. Fakulti Sains Gunaan

Kini UiTM Cawangan Perak diterajui oleh seorang Rektor dengan dibantu oleh sembilan (9) orang Ketua Bahagian.

1. Bahagian Hal Ehwal Akademik
2. Bahagian Hal Ehwal Pelajar
3. Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
4. Bahagian Pentadbiran
5. Bahagian Bendahari
6. Bahagian Perpustakaan
7. Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti
8. Bahagian Polis Bantuan
9. Bahagian InfoTech

UiTM Cawangan Perak mempunyai lima (5) Fakulti terdiri daripada:-

1. Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur
2. Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
3. Fakulti Sains Komputer dan Matematik
4. Fakulti Perakaunan
5. Fakulti Sains Gunaan

FALSAFAH, VISI DAN MISI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

FALSAFAH

Kepercayaan bahawa:

Seseorang individu mampu berusaha untuk mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni bagi melahirkan graduan profesional yang berperanan membangunkan diri, ilmu, masyarakat dan negara.

Visi

Menjadikan Universiti Teknologi MARA sebuah universiti unggul yang berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

Misi

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

Moto Universiti

“ USAHA, TAQWA, MULIA ”

FALSAFAH, VISI, MISI DAN DASAR KUALITI UiTM CAWANGAN PERAK

FALSAFAH

Kepercayaan bahawa:

Seseorang individu mampu berusaha untuk mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni bagi melahirkan graduan profesional yang berperanan membangunkan diri, ilmu, masyarakat dan negara.

Misi

Menjadikan UiTM Cawangan Perak sebuah universiti unggul yang berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

Visi

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

Dasar Kualiti

Kampus UiTM Cawangan Perak akan melaksanakan sistem pengurusan professional, cekap, berkesan dan bertanggungjawab ke atas pengurusan:

- 1) program Pengajaran dan Pembelajaran berdasarkan sistem "Outcome-based Education (OBE)"
- 2) penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan
- 3) 'community engagement' yang memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan, serta penambahbaikan secara berterusan dan akur kepada 'standard' dan perundangan yang ditetapkan.

Piagam Pelanggan

Sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi, UiTM Cawangan Perak beriltizam untuk:

- Menyediakan program akademik yang berkualiti kepada pelajar dengan memastikan kurikulum yang terkini melalui amalan pendidikan berasaskan hasil pembelajaran (OBE).
- Menyediakan prasarana untuk pelajar berdasarkan piawaian terkini.
- Memastikan kebajikan dan keselamatan pelajar terjamin.
- Menyediakan staf yang berkeelayakan, berkemahiran, berkepakaran dan berintegriti dalam mengendalikan urusan yang berkaitan dan
- Melahirkan graduan yang berpengetahuan, berkemahiran, profesional dan mempunyai nilai-nilai insaniah bagi menepati kehendak majikan/industri.

Jika terdapat sebarang aduan pelanggan mengenai apa sahaja perkhidmatan yang kami sediakan, kami komited untuk menyelesaikan isu tersebut dengan segera dan secara berkesan.



OBJEKTIF KUALITI DAN NILAI UiTM CAWANGAN PERAK

1. Mencapai jumlah enrolmen pelajar dengan sasaran:
 - a) 14,000 pelajar (sepenuh masa) menjelang 2020.
 - b) Mencapai nisbah siswazah dan pascasiswazah sebanyak 97:3 menjelang 2020.
2. Mencapai kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran dengan:
 - a) Memastikan semua kurikulum bersifat kerja kursus disemak setiap 4 tahun bagi program-program yang tempoh pengajiannya adalah 3 tahun atau kurang dan setiap 5 tahun bagi program yang tempoh pengajiannya adalah 4 tahun.
 - b) Memastikan sekurang-kurangnya 90% pelajar sepenuh masa pada peringkat Diploma dan Sarjana Muda bergraduasi dalam tempoh yang ditetapkan.
 - c) Memastikan sekurang-kurangnya 15 graduan PhD menjelang 2020.
 - d) Memastikan kadar kebolehan pasaran siswazah melebihi 80% bagi graduan Sarjana Muda, 95% bagi graduan Diploma dan 5% bekerja sendiri pada tahun semasa.
3. Meningkatkan kecemerlangan kesarjanaan akademik dengan:
 - a) Bilangan penerbitan berindeks mencapai 150 pada tahun semasa.
 - b) Bilangan geran penyelidikan mencapai RM4juta pada tahun semasa.
 - c) 30% staf akademik memegang PhD menjelang 2020.
4. Memastikan kecemerlangan dalam pemindahan dan pengkomersilan dengan mengkomersilkan 2 produk hasil penyelidikan menjelang 2020.
5. Melahirkan graduan dinamik berteraskan model graduan dengan:
 - a) 20% pelajar menjadi pemimpin muda pada tahun semasa.
 - b) 50% pelajar terlibat dengan aktiviti keusahawanan menjelang 2020.
 - c) 20% aktiviti kesukarelawan diadakan dalam setahun.
6. Memperkasa pembangunan sumber manusia dengan:
 - a) Mencapai nisbah pelajar, pensyarah dan staf pentadbiran sebanyak (15:1:1) menjelang 2020.
 - b) 95% staf menghadiri 42 jam latihan dengan nisbah jam 15:15:12 bagi kompetensi umum, khusus dan ICT dalam tahun semasa.
 - c) Mencapai nisbah professor (VKC&DM54) dan pensyarah sebanyak 1:25 menjelang 2020.
7. Melonjak kecemerlangan universiti dalam tahun semasa (melibatkan endowmen/infaq atau penyelidikan) melalui:
 - a) 5% akademia terlibat dalam jaringan industri setahun.
 - b) 2 MOU atau MOA menjelang 2020.
 - c) 15 projek bersama industri menjelang 2020.
 - d) 15 projek bersama masyarakat menjelang 2020.
 - e) 10 jaringan antarabangsa menjelang 2020.

8. Mencapai status universiti lestari dan memenuhi kriteria penarafan UI Green Matric World University Ranking yang ditetapkan menjelang 2020
- a) Memperkasakan pengurusan kewangan yang cekap dengan:
 - i) 100% peruntukan tahunan dibelanjakan secara berhemah
 - ii) 30% penjanaan pendapatan setahun
 - b) Mempunyai prasarana yang lengkap dengan:
 - i) 5% peningkatan koleksi perpustakaan setahun
 - ii) Memantapkan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi:
 - 80% perkhidmatan ICT untuk staf akademik dan pentadbiran mencapai tahap melebihi skala 4.5
 - c) Memperkasa pengurusan pelanggan dengan:
 - i) 100% indeks kepuasan pelanggan melebihi skala 4.0
 - ii) 100% aduan pelanggan diproses dalam tempoh 3 hari
 - d) Meningkatkan indeks keselamatan pada tahun semasa dengan:
 - i) Mengurangkan kes kecurian harta persendirian pada kadar 1%
 - ii) Mengelakkan kehilangan harta benda UiTM pada tahap sifar
 - iii) Mengurangkan kes kecurian harta persendirian staf pada kadar 1%
 - iv) Mengurangkan kes salah laku pelajar pada kadar 1%
 - v) Mencegah kes pencerobohan anasir luar pada tahap sifar
 - e) Memperkasa pengurusan fasiliti dengan:
 - i) 10% pengurangan tenaga elektrik setahun (KWH / tahun)
 - ii) 80% skor kepuasan pelanggan terhadap kebersihan kampus
 - f) Memperkasa pengurusan kerohanian dan ukhuwah dengan:
 - i) 60% staf yang layak berzakat, membayar zakat pendapatan dalam setahun semasa
 - ii) Melaksanakan program kerohanian 30 kali dalam tahun semasa
 - iii) 35% warga kampus mendapat bimbingan dan khidmat nasihat kerohanian
 - g) 13 inisiatif kampus hijau menjelang 2020.

Nilai UiTM Cawangan Perak

P	-	Proaktif (Proactive)	-	Kemampuan untuk merangka dan melakukan sesuatu tindakan lebih awal daripada sesuatu perkara yang memerlukan tindakan secara perseorangan atau berkumpulan.
E	-	Empati (Empathy)	-	Berkebolehan untuk menyelami dan memahami perasaan orang lain.
R	-	Rasional (Rational)	-	Mempunyai alasan yang munasabah bagi mendasari sesuatu tindakan/perbuatan/pegangan.
A	-	Akses (Accessibility)	-	Memberi ruang/peluang kepada pelanggan untuk berurusan dengan pengurusan dan staf UiTM Cawangan Perak.
K	-	Keilmuan (Knowledge)	-	Mempamerkan penguasaan ilmu dalam aspek pengajaran, penyelidikan dan penglibatan khidmat masyarakat.

OBJEKTIF MINGGU DESTINI SISWA

1. Untuk memperkenalkan UiTM Cawangan Perak dengan lebih dekat dan membantu pelajar-pelajar menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan kampus UiTM.
2. Menyuburkan minat untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam mencari dan mencapai kecemerlangan ilmu.
3. Untuk membimbing masyarakat pelajar dalam pembentukan sahsiah diri yang mulia dan bertaqwa.
4. Menyuburkan sifat penyayang dan ramah di antara masyarakat kampus.
5. Membentuk pelajar supaya lebih berdisiplin dengan memahami peraturan UiTM.

PERATURAN PELAJAR BARU

1. Hendaklah mengikuti Program minggu Destini Siswa secara keseluruhan.
2. Hendaklah mematuhi peraturan yang terkandung dalam Akta 174 secara mendalam.
3. Hendaklah mematuhi arahan-arahan daripada Pegawai atau Pemimpin MDS yang bertugas.
4. Hendaklah memakai pakaian yang sopan sepanjang kehidupan di kampus.
5. Hendaklah memberitahu Pegawai atau Pemimpin MDS yang bertugas sekiranya menghadapi sebarang masalah.
6. Dilarang meninggalkan kampus tanpa mendapat sebarang kebenaran daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar.
7. Siswa-siswi yang didapati meninggalkan kampus selepas pendaftaran akan ditarik balik pendaftaran mereka. Oleh itu adalah dinasihatkan supaya siswa-siswi menyelesaikan semua masalah dan tugas yang masih belum diselesaikan sebelum melapor diri di UiTM.
8. Siswa-siswi dilarang membuat apa-apa kenyataan akhbar sepanjang Minggu Destini Siswa berjalan.
9. Siswa-siswi dilarang membawa dadah, rokok, bahan lucah, senjata dan lain-lain barangan larangan di bawah Akta 174.

AHLI PENGURUSAN UiTM CAWANGAN PERAK

1. **PROF. MADYA SR. DR. MD YUSOF BIN HAMID, AMP**
Rektor
2. **PROF. MADYA DR. NORHAYATI BINTI BAHARUN**
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik
3. **SR. DR. MOHD AZIAN BIN ZAIDI**
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
4. **DR. NUR HISHAM BIN IBRAHIM**
Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni
5. **DR. MOHAMED IMRAN BIN MOHAMED ARIFF**
Penolong Rektor Kampus Tapah
6. **PUAN JONA HIDAYATI BINTI QAMARUZZAMAN**
Timbalan Pendaftar
7. **MOHAMAD HAIRI BIN RAMLI**
Timbalan Bendahari Kanan
8. **PUAN SITI BASRIYAH BINTI SHAIK BAHARUDIN**
Timbalan Ketua Pustakawan
9. **DR. NORHAFIZAH BINTI ABDUL RAHMAN**
Ketua Unit Pengurusan Kualiti
10. **ENCIK SHAHRL IZWAN BIN MD HASSAN**
Ketua Unit Komunikasi Korporat
11. **DSP/PB MARZUKI BIN AB RASHID**
Ketua Polis Bantuan
12. **USTAZAH HAJAH NURUL KHAIRIAH BINTI KHALID**
Ketua Pusat Pengajian ACIS
13. **SR. DR. KARTINA ALAUDIN**
Ketua Sistem Audit
14. **PUAN NOR AZLIN BINTI ABIDIN**
Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran)
15. **PUAN HAJAH NOR AZIZAH BINTI OMAR**
Pengaroh Pengurusan Fasiliti dan ICT

16. **ENCIK AZHAN BIN JALALUDIN**
Penyelaras Hal Ehwal Undang-Undang
17. **DR. AIRIL HAIMI BIN MOHD ADNAN**
Kordinator Akademi Pengajian Bahasa
18. **USTAZ HAJI MOHD NORZARIR BIN ARSHAD**
Timbalan Ketua Pegawai Hal Ehwal Islam
19. **ENCIK AZARUDIN BIN ABDUL SAMAD**
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan

BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK

1. **PUAN HANEM HAFIZAH BINTI ISMAIL**
Penolong Pendaftar Kanan (HEA)
2. **PROF MADYA DR. THURAIYA BINTI MOHD**
Kordinator Pembangunan dan Pengurusan Akademik
3. **PUAN NOR ZARINA BINTI MOHD SALIM**
Kordinator Unit Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB)
4. **ENCIK NADZRI BIN MOHAMAD**
Ketua Pusat Pengajian, Institut Pendidikan NEO (InED)
5. **DR HARYATI BINTI MOHD ISA**
Ketua Pusat Pengajian Siswazah (PPS)

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

1. **PUAN SALAWATI MURNI BINTI MOHD SOHAIMI**
Penolong Pendaftar Kanan (HEP)
2. **DR. KAMID BIN MASAN**
Ketua Unit Kesihatan
3. **HAJI MUHAMMAD HISHAM BIN ABDUL MALEK**
Pengurus Asrama Kanan
4. **CIK ROSLINA BINTI ABDUL RAHMAN**
Timbalan Ketua Pegawai Psikologi
5. **ENCIK MOHD AZMIL BIN ALIAS**
Ketua Unit Ko-Kurikulum
6. **ENCIK HAMDAN BIN SAFAR**
Pegawai Sukan Kanan

PEJABAT PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT DAN ALUMNI

- 1. DR SALLEHAN BIN ISMAIL**
Koordinator Jaringan, Industri dan Masyarakat (JIM)
- 2. SR DR ASMALIA BINTI CHE AHMAD**
Koordinator Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU)
- 3. PUAN IZMAYANI BINTI SA'ADIN**
Koordinator MASMED
- 4. DR. MOHD FADZIL BIN ABDUL RASHID**
Penyelaras Unit Perancangan Strategik
- 5. PUAN NORASYIKIN BINTI ABDULLAH FAHAMI**
Koordinator Program Tunas Mekar

KETUA FAKULTI DAN KOORDINATOR FAKULTI

PUSAT PENGAJIAN FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR (FSPU)

- 1. SR. DR. YUHAINIS BINTI ABDUL TALIB**
Ketua Pusat Pengajian Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur (AP114/AP224)
- 2. DR. NORAINAH BINTI ABDUL RAHMAN**
Koordinator Program Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah (AP111) dan Sarjana Muda Perancangan Bandar dan wilayah (Kepujian) (AP221)
- 3. ENCIK MOHD FADZLI BIN MUSTAFFA**
Koordinator FSPU (Pengurusan Hartanah - AP115/AP225)
- 4. DR. DZULKARNAEN BIN ISMAIL**
Koordinator Program Diploma Bangunan (AP116)
- 5. DR. SITI NORSAZLINA BINTI HARON**
Koordinator Program Diploma Rekabentuk Dalaman (AP117)
- 6. DR. NADIYANTI BINTI MAT NAYAN**
Koordinator Program Diploma Senibina Landskap (AP148)
- 7. DR. ALIA BINTI ABDULLAH SALEH**
Koordinator Program Diploma/Sarjana MudaUkur Bangunan (AP119/AP229)
- 8. ENCIK MOHD NASURUDDIN BIN HASBULLAH**
Koordinator FSPU (Senibina - AP243)
- 9. DR. MOHD ROFDZI BIN ABDULLAH**

Koordinator Program Sarjana Sains Senibina Hijau (AP763)

10. DR. HARYATI MOHD ISA

Ketua Pusat Pengajian Siswazah/Program Doktor Falsafah Reka Bentuk dan Alam Bina (AP992)

PUSAT PENGAJIAN FAKULTI SENILUKIS DAN SENIREKA (FSSR)

1. DR. SYED ALWI BIN SYED ABU BAKAR

Ketua Pusat Pengajian Fakulti Senilukis dan Senireka (AD118 / AD248)

2. DR. SHAHREL NIZAR BIN BAHAROM

Koordinator Program Diploma dan Sarjana Muda FSSR (AD111 / AD241 / AD117)

3. DR. ZAINUDDIN BIN MD NOR

Koordinator Program Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (AD116 / AD115)

PUSAT PENGAJIAN FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK (FSKM)

1. DR. SURAYA BINTI MASRON

Ketua Pusat Pengajian Fakulti Sains Komputer dan Matematik (CS110/CS230)

2. PUAN JUNAIDA BINTI MD SAID

Koordinator FSKM (CS143)

3. PUAN NOR RASHIDAH BINTI PAUJAH

Koordinator FSKM (CS111 / CS112)

PUSAT PENGAJIAN FAKULTI SAINS GUNAAN (FSG)

1. DR AHMAD NAZIB BIN ALIAS

Ketua Pusat Pengajian Fakulti Sains Gunaan

PUSAT PENGAJIAN FAKULTI PERAKAUNAN (FP)

1. DR. AHMAD SAIFUL AZLIN BIN PUTEH SALIN

Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perakaunan

2. ENCIK AMIR HAKIM BIN OSMAN

Penyelaras Program Diploma Perakaunan (AC110)

**MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)
SESI 2018/2019
UiTM CAWANGAN PERAK**

YANG DI PERTUA MPP	AHMAD ASHRAFF FAHMY BIN MOHD ZULHERY FAHMY
TIMBALAN YDP MPP	AHMAD HARIZ BIN HAZMI
SETIAUSAHA AGUNG	SITI NURSYAHIRA BNTI NOR AZMI
BENDAHARI	NURHANA BINTI ZOHARI
PENOLONG YANG DIPERTUA	NUR AMIRAH BALQIS BINTI HALIM
PENOLONG NAIB YANG DIPERTUA KEBAJIKAN & KHIDMAT MAHASISWA	AHMAD FAIZ BIN AHMAD TOPEK
PENOLONG NAIB YANG DIPERTUA SOLISTIK & JARINGAN INDUSTRI	SYAZWAN AKMAL BIN SHAKYEAN
PENOLONG NAIB YANG DIPERTUA PEMBANGUNAN MAHASISWA	MUHAMMAD AIMAN HAFIZI BIN MURAD
PENOLONG NAIB YANG DIPERTUA PERHUBUNGAN & PENGANTARABANGSAAN	NUR NABILAH SYAFIQAH BINTI HAFIZUDDIN
PENOLONG NAIB YANG DIPETUA PENGURUSAN & SUMBER	NURUL NADIAH BINTI MOKHTOR

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR UiTM CAWANGAN PERAK

1. PENDAHULUAN

Bahagian Hal Ehwal Pelajar adalah salah satu bahagian terpenting di dalam sistem UiTM Cawangan Perak. Bahagian ini bertanggungjawab melaksanakan dua fungsi penting iaitu:

Memberi Perkhidmatan Kepada Pelajar Dari Segi:

- Kemudahan Kolej
- e-insentif Makanan
- Bantuan Kecemasan
- Bantuan Kewangan
- Kebajikan Pelajar
- Kemudahan Sukan
- Khidmat Kerjaya dan Kaunseling
- Kesenian dan Kebudayaan
- Perkhidmatan Kesihatan

Menjalankan Program Berikut:

- Ko-kurikulum (Tiga Semester)
- Kursus Kepimpinan Pelajar
- Finishing School

Aktiviti Pelajar

Memproses permohonan dan menyelaraskan aktiviti pelajar daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dan Persatuan/Kelab Dalaman yang berdaftar di UiTM Cawangan Perak.

2. VISI

Menjadi sebuah organisasi yang unggul dalam memberikan perkhidmatan dan usaha-usaha pembangunan pelajar bagi melahirkan graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

3. MISI

Melahirkan graduan yang berperibadi murni, mempunyai jati diri, bertanggungjawab, bertaqwa dan berdaya saing bagi mengimbangi tahap keilmuan serta kepakaran pelajar.

4. OBJEKTIF

Bagi mencapai visi dan misi Bahagian Hal Ehwal Pelajar seperti yang dinyatakan di atas, berikut merupakan objektif yang telah dirumuskan:-

- i) Merangka dan melaksanakan program pembangunan pelajar yang bersepadu dan berterusan serta mempunyai nilai tambah (value added) bagi mewujudkan lulusan yang bersifat global dan berdaya saing.
- ii) Memberi perkhidmatan serta kemudahan yang menyeluruh dan sempurna bagi mewujudkan suasana dan persekitaran pembelajaran dan tempat tinggal yang selesa dan kondusif.
- iii) Menggalakkan penggunaan IT melalui kemudahan yang disediakan, sesuai dengan perubahan dan keperluan masa kini sejajar dengan dasar negara.

5. FUNGSI

Bahagian Hal Ehwal Pelajar berperanan untuk memastikan penyediaan prasarana yang kondusif bagi pembelajaran dan urusan yang berkaitan dengan pembangunan sahsiah pelajar, kemudahan kolej kediaman, kemudahan bantuan kewangan, kesihatan, kebajikan, kaunseling peribadi dan kerjaya, kegiatan persatuan, aktiviti sukan serta perniagaan. Bahagian ini juga terlibat dalam urusan disiplin pelajar.

Fungsi Bahagian Hal Ehwal Pelajar jelas apabila wujudnya Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 atau dikenali sebagai Akta 174. Secara amnya, fungsi Bahagian Hal Ehwal Pelajar adalah seperti berikut:

- i) Menyediakan kemudahan penginapan dan makanan kepada pelajar yang tinggal di kolej.
- ii) Menyelaras perhubungan pelajar dengan pentadbiran UiTM, institusi-institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan luar dan orang perseorangan.
- iii) Menyelaras kegiatan pelajar seperti aktiviti keagamaan, intelektual, kepimpinan, kebudayaan, sukan, perniagaan dan sosial.
- iv) Membantu pelajar mendapatkan bantuan kewangan dalam bentuk dermasiswa, biasiswa dan pinjaman.
- v) Mengurus kebajikan pelajar termasuk hal-hal kecemasan dan kematian.
- vi) Menjaga ketenteraman dalam dan luar kampus melalui pelaksanaan Akta 174, Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.

6. PENTADBIRAN AM HAL EHWAL PELAJAR

i. Kegiatan Pelajar

Bahagian Hal Ehwal Pelajar menggalakkan pelajar-pelajar bergerak aktif melalui organisasi-organisasi tertentu yang sah kewujudannya ketika mereka berada di kampus.

Organisasi yang dimaksudkan ialah:

- Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
- Persatuan Dalamam
- Jawatankuasa Perwakilan Kolej

Galakan ini adalah sesuai dengan tujuan mendidik anak bumiputera supaya menjadi manusia yang cemerlang di bidang akademik dan segala aspek kehidupan seharian yang lain.

Tugas-tugas MPP ialah:

- Membentuk dan menggalakkan, tertakluk kepada arahan Ketua Eksekutif, kemajuan kemudahan-kemudahan bagi pelajar-pelajar seperti kemudahan rekreasi, pembekalan makanan dan minuman.
- Membuat rayuan kepada Ketua Eksekutif mengenai perkara-perkara berhubung dengan kebajikan pelajar-pelajar.
- Mengusahakan apa-apa aktiviti lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Eksekutif dari semasa ke semasa.

Melalui Persatuan Dalamam dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej, Bahagian Hal Ehwal Pelajar memberi pelbagai kemudahan kepada pelajar-pelajar untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti sama ada yang bercorak akademik seperti seminar, forum dan debat ataupun bercorak bukan akademik seperti kursus kepimpinan, kursus kesedaran dan khidmat bakti masyarakat.

ii. Biasiswa dan Kemudahan Pelajar

- Bahagian Hal Ehwal Pelajar juga ada memberi perkhidmatan penyelarasan mengenai sesuatu bantuan dari luar seperti Kerajaan Malaysia, PTPTN, Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun, Swasta serta Bank.

Jenis-jenis bantuan luar ini adalah berupa seperti:

- Biasiswa
- Dermasiswa
- Pinjaman

iii. Tabung Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar

Jawatankuasa Tabung Kebajikan Pelajar

- Memberi bantuan kepada pelajar yang menghadapi kesusahan/kesulitan kewangan (pinjaman/bantuan)
- Memberi bantuan kepada pelajar yang mengalami kecurian/samun/rompakan (mengikut syarat kelayakan)
- Memberi bantuan kepada pelajar yang ditimpa bencana alam (banjir/ribut/tanah runtuh/kebakaran dll).
- Bantuan bayaran tambang perjalanan kematian ibu bapa.

Jawatankuasa Tabung Kecemasan Pelajar

- Membantu pelajar yang mengalami kemalangan/tercedera/ memberi bantuan kewangan kepada waris pelajar jika berlaku kematian sepanjang tempoh pengajian.

Jawatankuasa Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar

Menyediakan kemudahan rawatan perubatan kepada pelajar:

- Rawatan Pesakit Luar Perubatan
- Rawatan Pergigian
- Rawatan Kes Kecemasan
- Kemudahan Makmal
- Kemudahan Ambulans
- Kemudahan Kelayakan Wad
(Klinik UiTM/Hospital Kerajaan/Universiti/Surat Jaminan)

Jawatankuasa Pengurangan / Pengecualian Bayaran Yuran Pengajian

Menguruskan permohonan pengecualian bayaran yuran pengajian pelajar di Universiti Teknologi MARA

Jawatankuasa Pengecualian Bayaran Kemudahan Kolej-kolej Kediaman

Menguruskan permohonan pengecualian bayaran kemudahan kolej kediaman mengikut kelayakan

Jawatankuasa Elaun Bantuan Makan Pelajar Diploma

Menguruskan permohonan e-insentif bagi pelajar Pra-Diploma, Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Sains (AP213/AP243)

Jawatankuasa Agihan Zakat

Menguruskan permohonan zakat pelajar mengikut kelayakan asnaf.

iv. Tatatertib Pelajar

Bahagian Hal Ehwal Pelajar adalah bertanggungjawab untuk menguatkuasakan peraturan bagi mengawal disiplin pelajar-pelajar yang terkandung di dalam Akta 174 – Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.

Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia telah melantik Timbalan Naib Canselor Akademik, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar selaku Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar.

Pegawai Hal Ehwal Pelajar telah menubuhkan sebuah Lembaga Tatatertib Pelajar yang terdiri daripada Pegawai-pegawai UiTM. Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar, Rektor merupakan Pengerusi Lembaga Tatatertib Pelajar di mana apabila ketiadaannya maka Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar akan mempengerusikan Lembaga tersebut.

Tujuan utama Lembaga ini adalah:

- Bagi menjaga nama baik dan kesentosaan institusi.
- Bagi mempertahankan undang-undang bertulis yang telah diperuntukkan untuk institusi dan pelajar-pelajar.
- Untuk melicinkan kerja-kerja pentadbiran atau sebarang aktiviti yang dijalankan oleh atau di bawah arahan atau kebenaran institusi.
- Secara tidak langsung untuk meninggikan pencapaian akademik pelajar-pelajar UiTM.
- Untuk mengelakkan pelajar-pelajar dari melakukan perkara yang bertentangan dengan agama dan undang-undang.

7. OBJEKTIF UNIT DI BAWAH HAL EHWAL PELAJAR

i. Unit Kokurikulum

Organisasi yang dimaksudkan ialah:

- Memberi perkhidmatan dan kemudahan yang berkaitan bagi membina jati diri pelajar.
- Merangka dan melaksanakan program/latihan secara pembangunan yang bersepadu ke arah menerapkan semangat patriotisme yang tulen.
- Menggalakkan pelajar sentiasa hidup di dalam disiplin yang memberi pendekatan ke arah masyarakat yang bermoral, dedikasi, bertanggungjawab, bekerjasama dan berdikari.
- Menyelia dan mengelola kursus kokurikulum.

ii. Unit Sukan

- Merancang dan mengelola aktiviti-aktiviti sukan untuk warga kampus.

- Memberi latihan teori dan praktikal kepada siswa-siswi yang mengambil sukan sebagai satu kursus kokurikulum.
- Mengurus lawatan muhibah serta mengadakan perlawanan persahabatan dengan masyarakat luar kampus.
- Merancang dan menyediakan latihan sukan yang bersistematik kepada atlet UiTM.

Unit Sukan menyediakan kemudahan permainan seperti bola sepak, bola jaring, bola tampar, badminton, hoki, bola baling, sepak takraw, ragbi, tenis, ping pong, memanah, petanque, woodball, catur dan dart.

iii. Unit Kerjaya Dan Kaunseling

- Menawarkan khidmat kepakaran kaunseling dan perundingan kepada yang memerlukan.
- Membantu membentuk keperibadian mahasiswa sebagai persediaan untuk menghadapi dunia pekerjaan serta membimbing mereka dalam membuat perancangan dan pemilihan kerjaya yang sesuai dengan kebolehan dan kecenderungan mereka.
- Mengadakan hubungan industri untuk penempatan kerja para graduan.
- Menyedia, menyebarkan dan memberikan maklumat/kemahiran yang berkaitan bagi tujuan pembangunan dan perkembangan mahasiswa.
- Menyediakan khidmat masyarakat dan perundingan profesional kepada unit/bahagian dalam universiti dan institusi/organisasi luar yang berkaitan dengan bimbingan dan kaunseling.

iv. Unit Pengurusan Kolej

- Memberi perkhidmatan berteraskan konsep MESRA UiTM.
- Menyediakan kemudahan penginapan dan persekitaran yang bersih, ceria dan selamat.
- Mengadakan penguatkuasaan dan pemantauan berterusan melalui laporan berkala dan menganalisis kemudahan perkhidmatan makanan pelajar.
- Menyediakan prasarana serta lain-lain kemudahan fizikal yang menyeluruh dan selesa.
- Menjadikan kolej kediaman sebagai aset yang dapat menyumbang pendapatan kepada universiti.
- Mewujudkan struktur dan kaedah pemeriksaan, penganalisan, tindakan pembetulan dan pemantauan yang berterusan mengenai keselamatan pelajar dengan kerjasama semua pihak di UiTM Cawangan Perak.
- Merancang aktiviti pelajar setiap semester di kolej yang boleh menjana ke arah pergaulan sosial sihat dan pembangunan modal insan.

Unit Kemudahan Kolej dan Kebajikan 'Non Resident' (NR) adalah sebuah unit yang ditubuhkan untuk kebajikan pelajar-pelajar 'NR', iaitu pelajar yang tidak duduk di dalam kolej. Antara tugas dan tanggungjawab unit ini termasuklah:-

- a. Menjaga kebajikan pelajar 'NR'.
- b. Mendapatkan maklumat rumah untuk disewa oleh pelajar 'NR'.

- c. Mengemaskini rekod penempatan pelajar 'NR'
- d. Merancang aktiviti pelajar 'NR' dengan kerjasama Perwakilan Pelajar 'NR'.
- e. Menjadi perantara di antara pelajar 'NR' dengan penyewa dan masyarakat luar.

v. Unit Kesenian dan Kebudayaan

- Program Kesenian dan Kebudayaan di Kampus UiTM Cawangan Perak.
- Membuka ruang kepada staf UiTM Cawangan Perak untuk bergiat aktif sebagai pemangkin kegiatan seni dan budaya di kampus.
- Merangka kegiatan seni dan budaya dengan tujuan riadah.
- Merapatkan hubungan seluruh warga UiTM Cawangan Perak melalui kegiatan seni dan budaya.
- Mengendalikan aktiviti seni secara lebih sistematik dan dapat diikuti oleh pelajar dan staf UiTM secara lebih berkesan.
- Memartabatkan dan merakytakan seni budaya di UiTM Cawangan Perak.
- Membantu melahirkan pelajar yang berhemah yang tinggi.

vi. Unit Kepimpinan Pelajar

- Melaksanakan program dan aktiviti pembangunan berpandukan modul - modul yang telah ditetapkan.
- Menyelaraskan dan memantau program pembangunan pelajar.
- Memberi latihan kepada fasilitator untuk melaksanakan program pembangunan pelajar.
- Bertanggungjawab membimbing dan membantu pelajar dalam merancang dan melaksanakan segala aktiviti serta latihan yang berkaitan dengan komunikasi, kepimpinan, kerohanian, ketrampilan dan juga khidmat masyarakat.
- Mengkaji dan menilai keberkesanan program pembangunan pelajar dan membuat cadangan-cadangan penambahbaikan.
- Memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar mengenai peranan, tanggungjawab dan pengaruh dalam mencapai matlamat negara.
- Membina kumpulan pemimpin yang dapat menghayati budaya dan nilai kepimpinan yang berupaya merealisasikan wawasan negara.
- Meningkatkan kesedaran sendiri dalam mencernakan wawasan.
- Memberi pendedahan kepada pelajar tentang pembelajaran dan pengalaman kepimpinan secara bersepadu dari segi jasmani, fikiran, tindakan, emosi dan rohani.

vii. Unit Kesihatan

- Pengurusan sistem kesihatan kepada pelajar UiTM mengikut peraturan yang diterima pakai dan ditetapkan oleh UiTM dari semasa ke semasa.
- Pengurusan faedah dan kemudahan kesihatan kepada pelajar UiTM selaras dengan Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar (SPKP).
- Pengurusan rekod kesihatan dan maklumat kesihatan pelajar UiTM sentiasa dikemaskini dan betul.

- Amalan penghasilan kerja berkualiti berteraskan budaya kerja berkualiti.
- Pewujudan suasana kerja yang selesa dan harmoni melalui konsep bekerja secara berkumpulan, amalan nilai murni serta mengutamakan kesihatan.
- Pewujudan suasana kerja yang selesa dan harmoni melalui konsep bekerja secara berkumpulan, amalan nilai murni serta mengutamakan kesihatan.
- Penyediaan perkhidmatan kesihatan kepada pelanggan dengan cekap, mesra dan berkesan.

MODEL GRADUAN UiTM

- Berpengetahuan, berkemahiran, kreatif, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global dan analitikal.
- Rasional, terbuka, berpandangan jauh, berketrampilan, bebas dan yakin.
- Berdikari dan berdaya saing serta mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan kemahiran pengurusan yang tinggi.
- Mempunyai jati diri, patriotik, berterima kasih dan beretika.

STAF RESIDEN KOLEJ CEMPAKA SARI

(Ketua Staf Residen – Ustaz Haji Mohd Norzarir bin Arshad)

1.	Kolej Anggerik 1 (Bawah)	-	DSP/PB Marzuki bin Ab Rashid
2.	Kolej Anggerik 1 (Atas)	-	Cik Wan Nurul Izzati binti Wan Muhammad Zulkifli
3.	Kolej Anggerik 2	-	Bilik Transit
4.	Kolej Bakawali 1	-	Ustaz Nawawi bin Abdul Rahman
5.	Kolej Bakawali 2	-	Puan Maisarah binti Bahari
6.	Kolej Dahlia 1	-	Ustaz Haji Mohd Norzarir bin Arshad
7.	Kolej Dahlia 2	-	Puan Akmarina binti Abdul Rani

STAF RESIDEN KOLEJ INDERA MULIA

(Ketua Staf Residen - Encik Mohd Salehuddin bin Md Isa)

1.	Kolej Cempaka 1	-	Encik Satar bin Yusof
2.	Kolej Cempaka 2	-	Encik Adly Albakhri bin Ismail
3.	Kolej Kekwa 1	-	Encik Mohd Salehuddin bin Md Isa
4.	Kolej Kekwa 2	-	Dr. Nor Eeda binti Haji Ali
5.	Kolej Melati 1	-	Puan Wan Norizan Binti Wan Ismail
6.	Kolej Melati 2	-	Ustaz Zamri bin Samsudin
7.	Kolej Teratai 1 (Aras 2)	-	Encik Abdul Hamid bin Mohamed
8.	Kolej Teratai 1 (Aras 3)	-	Prof. Madya Abd. Halim bin Ghazali
9.	Kolej Teratai 2 (Aras 2)	-	Puan Siti Nadiah binti Mohd Ali
10.	Kolej Teratai 2 (Aras 3)	-	(Kosong)

STAF RESIDEN KOLEJ INDERA SAKTI

(Ketua Staf Residen - Encik Aizat Fahmi bin Mohd Zainuddin)

- | | | | |
|----|---------------|---|--------------------------------------|
| 1. | Kolej Bidara | | |
| | Aras Bawah | - | Encik Aizat Fahmi bin Mohd Zainuddin |
| | Aras Satu | - | Encik Ahmad Zafli bin Ahmad Zaki |
| | Aras Dua | - | Puan Nur Syalwa binti Mahalin |
| 2. | Kolej Angsana | | |
| | Aras Bawah | - | Puan Norhayati binti Kassim |
| | Aras Satu | - | Encik Rashidi bin Hamzah |
| | Aras Dua | - | (Kosong) |

STAF RESIDEN
KOLEJ PASIR SALAK
(Ketua Staf Residen – Puan Najma binti Azman)

- | | | | |
|----|--------------|---|---|
| 1. | Kolej Cemara | | |
| | Aras Bawah | - | Ustaz Mohd Zaki bin Ahmed Fauzi
(Pegawai Jawatan Penting) |
| | Aras Satu | - | Encik Noor Ashraf bin Noor Othman |
| | Aras Dua | - | Puan Najma binti Azman |
| 2. | Kolej Damar | | |
| | Aras Bawah | - | Encik Mohd Khazani bin Ibrahim |
| | Aras Satu | - | Dr. Ahmad Firdaus bin Mohd Noor |
| | Aras Dua | - | Encik Mohd Fadzli bin Abd Halim
(Pegawai Jawatan Penting) |

STAF RESIDEN
KOLEJ SERI MANJUNG (NR)
(Ketua Staf Residen - Encik Mohd Rasyidi A. Rahman)

- | | | | |
|----|----------------------|---|----------------------------------|
| 1. | Kolej Seri Manjung | | |
| | Bandar Universiti | - | Encik Mohd Rasyidi A. Rahman |
| | Bandar Seri Iskandar | - | Encik Khairuddin bin Abdul Majid |
| | Bandar Seri Iskandar | - | Cik Nur Akma binti Halili |

JAWATANKUASA INDUK MINGGU DESTINI SISWA SESI MAC – JULAI 2019

PENASIHAT	:	Prof. Madya Sr. Dr. Md Yusof bin Hamid
PENGERUSI	:	Sr. Dr. Mohd Azian bin Zaidi
TIMBALAN PENGERUSI	:	Dr. Mohamed Imran bin Mohamed Ariff
SETIAUSAHA	:	Puan Salawati Murni binti Mohd Sohaimi

AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA

KOMUNIKASI, KORPORAT DAN PROTOKOL

Pengerusi	:	Encik Shahrul Izwan bin Md Hassan
Ahli	:	Encik Ahmad Ridzuan bin Abdul Rahman
	:	Encik Mohd Fazli bin Abd. Wahab
	:	Encik Amirullah bin Yaacob
	:	Encik Husnul Kahar bin Abdul Ghani

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Pengerusi	:	Encik Azarudin bin Abdul Samad
Ahli	:	Encik Mohd Azidi bin Mohammad Khairani
	:	Encik Annuar bin Ishak

JAWATANKUASA AGAMA DAN PROGRAM KHAS

Pengerusi	:	Ustaz Haji Mohd Norzarir bin Arshad
Ahli	:	Ustaz Zamri bin Samsuddin
	:	Ustaz Nawawi bin Abdul Rahman
	:	Ustaz Mohd Zaki bin Ahmed Fauzi

KESELAMATAN

Pengerusi	:	DSP/PB Marzuki bin Ab. Rashid
-----------	---	-------------------------------

Ahli : INS/PB Adly Albakhri bin Ismail
: INSP/PB Mohd Sharil Reza bin Rosli

PENGANGKUTAN

Pengerusi : Encik Rahaizat bin Alias
Ahli : Puan Rizalina binti Urip

BUKU PROGRAM

Pengerusi : Puan Nor Faizah binti Hamdan
Ahli : Puan Siti 'Atikah binti Ramli
: Encik Muhammad Ismawi bin Jeini

PERSIAPAN DAN KELENGKAPAN

Pengerusi : Puan Nor Azizah binti Omar
Ahli : Encik Muhammad Aizat bin Dzulkefli
: Encik Hafizi bin Hashim

PERUBATAN

Pengerusi : Dr. Kamid bin Masan
Ahli : Dr. Hafizan bin Hamzah
: Puan Suhaida binti Jamaluddin
: Encik Mohd Hafiz bin Othman

PENDAFTARAN (HEA)

Pengerusi : Puan Hanem Hafizah binti Ismail
Ahli : Encik Mohamad Safwan bin Suimi
: Puan Roszita binti Mohd Yaacob
: Puan Salatul Zarida binti Ishak

DISIPLIN DAN SAHSIAH PELAJAR

Pengerusi : Encik Mohd Shahril bin Abd Rashid
Ahli : Encik Ahmad Khairul Azizi bin Ahmad
: Puan Intan Nur Firdaus binti Mohamad Fuad
: Puan Wan Nurul Izzati binti Wan Zulkifli
: Encik Irwan bin Mohamad Ali
: Puan Mariaty binti Mohd Bahari
: Puan Jazmin binti Zulkifli
: Puan Noorul Nadya binti Shaharum

PENGINAPAN DAN MAKANAN

Pengerusi : Encik Satar bin Yusof
Ahli : Tuan Haji Muhammad Hisham bin Abdul Malek (Kolej Pasir Salak)
: Encik Khairuddin bin Abdul Majid (Kolej Indera Mulia & Cempaka Sari)
: Puan Siti Syakirah binti Zainol Abidin (Kolej Pasir Salak)
: Encik Effandi bin Abdullah (Kolej Seri Manjung)

PERSEMBAHAN

Pengerusi : Puan Maisarah binti Bahari
Ahli : Encik Azman bin Abdul Ghani

SUKAN DAN RIADAH

Pengerusi : Tuan Haji Hamdan bin Safar
Ahli : Encik Hashim bin Harudin
: Encik Mohd Khazani bin Ibrahim
: Puan Roziatul Maziah binti Ismail
: Puan Nurul Ain binti Ahmed Sawi
: Encik Dzulkifly bin Sahardin

URUS SETIA

Pengerusi : Puan Hajah Hasima binti Haji Harun
Ahli : Puan Rohana binti Manap
: Puan Suriati binti Abdul Shukor
: Puan Asparainy binti Mustapa
: Cik Nurul Nasirah binti Sahafuri
: Puan Julizawati Abdul Halim
: Encik Sarudin bin Musa

IKRAR PELAJAR UiTM

Bahawasanya saya, sebagai pelajar Universiti Teknologi MARA, dengan penuh kerelaan berikrar:

- **MENGGUNAKAN PELUANG DENGAN SEPENUHNYA UNTUK MENINGKATKAN PENCAPAIAN AKADEMIK**
- **MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN SEGALA PERATURAN UNIVERSITI DENGAN SEPENUHNYA**
- **MENJAGA DAN MEMELIHARA NAMA UNIVERSITI, MENGHORMATI KAKITANGAN UNIVERSITI DAN SESAMA SISWA-SISWI SERTA MEMELIHARA HARTA BENDA UiTM DENGAN SEBAIK-BAIKNYA**
- **MENGHORMATI TATASUSILA BERDASARKAN AGAMA DAN BERSOPAN SANTUN DARI SEGI KELAKUAN DAN PAKAIAN SERTA RUPADIRI**
- **MENGHINDARI DIRI DARI TERLIBAT DENGAN KEGIATAN-KEGIATAN YANG BERTENTANGAN DENGAN DASAR - DASAR KERAJAAN.**

Sekiranya saya melanggar ikrar ini, saya boleh dihukum mengikut peraturan-peraturan seperti yang telah ditetapkan oleh universiti

LAGU UiTM DIHATIKU

Wujudmu di sini di tanah anak merdeka
Bagai obor ilmu memayungi putra-putrinya
Pelopor hidup, budaya bangsa, agama, negara
Pembentuk akhlak manusia agar jadi sempurna

Ku yang melangkah ke sini ingin mempelajari
Rahsia di muka bumi dengan cara hakiki
Tunjukkan aku jalan ilmumu untukku menuju
Destinasi cita-cita negara dan bangsaku

Majulah bangsa
Maju negara
Berkat usaha jaya MARA
Kami berikrar akan berjasa
Hingga kita berjaya.....demi bangsa

Watikah yang ku miliki kan ku semat di hati
Janjiku pada pertiwi untuk menabur bakti
Ku sempurnakan seikhlas hati membela negara
Doa restu ayah bondaku untukmu semua

UiTM.....Usaha Taqwa Mulia

LAGU WAWASAN SETIA WARGA UiTM

Bersatu kita warga UiTM
Kita bangsa perkasa

Taat dan setia ku untuk negara
Penuh semangat waja

Kita
Jangan mudah terlupa
Pengorbanan, perjuangan
Anak bangsa

Kita
Jangan mudah terleka
Kemajuan, keamanan
Yang ada

Kita
Berterima kasih
Pada pemimpin-pemimpin
Negara

Kita
Rasa penuh bersyukur
Kerahmatan, kemuliaan
Dari-Nya

Kamilah
Pendokong, pewaris bangsa

Kamilah
Pendaulat, bangsa Malaysia

Kamilah
Warga, berwawasan
Untuk NE GA RA KU.....

AKTIVITI PERKULIAHAN SEMESTER MAC – JULAI 2019

BIL	AKTIVITI	JANGKAMASA
1.	Minggu Destini Siswa	20 – 25 Januari 2019
2.	Kuliah Interim	28 Januari – 15 Februari 2019
3.	Cuti Interim	18 – 24 Februari 2019
4.	Kuliah 1	25 Februari – 26 Mei 2019
5.	Cuti Pertengahan Semester	27 Mei – 9 Jun 2019
6.	Kuliah 2	10 – 16 Jun 2019
7.	Cuti Ulangkaji	17 – 20 Jun 2019
8.	Peperiksaan Akhir	21 Jun – 14 Julai 2019
9.	Cuti Semester	15 Julai – 1 September 2019

*** Tertakluk kepada pindaan**

PANDUAN TELEFON DAN FAKS UiTM CAWANGAN PERAK

BIL	BAHAGIAN/UNIT	TELEFON	FAKS
1.	UiTM CAWANGAN PERAK	05-3742000/2600/2300 (24 jam)	
2.	BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK	05 - 3742020	05 - 3742222
3.	BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR	05 - 3742030	05 - 3742233
4.	BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN JARINGAN INDUSTRI	05 - 3742174	05 - 3742112
5.	BAHAGIAN PENTADBIRAN	05 - 3742045	05 - 3742018
6.	BAHAGIAN BENDAHARI	05 - 3742057	05 - 3742255
7.	BAHAGIAN PERPUSTAKAAN	05 - 3742093	05 - 3742299
8.	BAHAGIAN PENGURUSAN FASILITI	05 - 3742626	05 - 3742266
9.	BAHAGIAN POLIS BANTUAN	05 - 3742102	05 - 3742613
10.	BAHAGIAN INFOTECH	05 - 3742182	05 - 3742118
11.	UNIT PENGURUSAN KOLEJ INDERA SAKTI	05 - 3742830	05 - 3742288
12.	UNIT PENGURUSAN KOLEJ PASIR SALAK	05 - 3742341	05 - 3742848
13.	UNIT PENGURUSAN KOLEJ CEMPAKA SARI	05 - 3742087	05 - 3742088
14.	UNIT PENGURUSAN KOLEJ INDERA MULIA	05 - 3742131	05 - 3742828
15.	UNIT PENGURUSAN KOLEJ SERI MANJUNG (NR)	05 - 3742482	05 - 3742726
16.	UNIT KESIHATAN	05 - 3742094	05 - 3742157
17.	UNIT KOMUNIKASI KORPORAT	05 - 3742672	05 - 3742775
18.	POS POLIS BANTUAN (PINTU MASUK)	05 - 3742130	TIADA

**JADUAL PROGRAM MINGGU DESTINI SISWA (MDS)
SESI MAC - JULAI 2019 (DIPLOMA INTERIM)**

SERI ISKANDAR

TARIKH / MASA	6.00 pg - 8.30 pg	8.30 pg - 10.30 pagi	10.30 pagi - 12.30 tghr	2.30 ptg - 4.30 ptg	4.30 ptg - 5.30 ptg	5.30 ptg - 6.30 ptg	6.30 ptg - 9.00 mlm	9.00 mlm - 11.00 mlm
AHAD (20.01.2019)	SOLAT SUBUH / SARAPAN PAGI							
ISMIN (21.01.2019)	BERSAMA MPP (DKU)	PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN		TAKLIMAT KESELAMATAN (DKU)	BERSAMA PMDS (KOLEJ)		MAKAN MALAM / SOLAT MAGHRIB / KULIAH / SOLAT ISYAK	
SELASA (22.01.2019)	PENDAFTARAN AKADEMIK (KIS)		BERSAMA JPK (DKU)	MALAYSIA TANAHAIRIKU / UITM DIHATIKU (DKU)	BERSAMA PMDS (KOLEJ)		SAHSIAH RUPADIRI PELAJAR BERSAMA SRK (BRKPS/FKCS)	
RABU (23.01.2019)	8.30 pagi - 10.30 pagi	TAKLIMAT TR HEP (DKU)	10.30 pagi - 12.30 tghr	2.30 ptg - 5.30 ptg	BERSAMA PMDS (KOLEJ)		GLOBAL TALENT (HALAQAH) (PUSAT ISLAM)	
KHAMIS (24.01.2019)	9.00 pagi - 12.00 tghr	STUDY SKILLS (DKU)	MASMED (DKU)	CAREER PROFILING	BERSAMA PMDS (KOLEJ)		APRESIASI SENI (DKU)	
JUMAAT (25.01.2019)	GLOBAL TALENT MinDS (DKU)		IMPAK CELIK FIKIR (DKU)	CAREER PROFILING NEXT: NURTURING EXPERT TALENT (DKU)	BERSAMA PMDS (KOLEJ)		GLOBAL TALENT (HALAQAH) (PUSAT ISLAM)	

* Jadual ini tertakluk kepada pindaan.

PERHATIAN	Catatan : Semasa Amanat Naib Canselor, semua pelajar baru dikehendaki berpakaian seperti berikut:- a. Siswa : Baju Kemeja Putih Dan Berseluar Slack b. Siswi : Baju Kurung Putih Dan Berkain Gelap							
PETUNJUK								
DKU : Dewan Kuliah Al-Khwarizmi	BRKPS : Bilik Rekreasi Kolej Pasir Salak							
KIS : Bilik Rekreasi Kolej Indera Sakti	FKCS : Food Court Kolej Cempaka Sari							
** Bilik Kuliah Untuk "Study Skills" akan dimaklumkan oleh Bahagian HEA	Dikemaskini 11.01.2019							

PENGHARGAAN

Rektor dan Pengurusan Atasan serta Ahli Jawatankuasa Minggu Destini Siswa UiTM Cawangan Perak Sesi Mac - Julai 2019 merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah dan staf pentadbiran:

1. Bahagian Hal Ehwal Pelajar
2. Bahagian Hal Ehwal Akademik
3. Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni
4. Bahagian Pentadbiran
5. Bahagian Bendahari
6. Bahagian Perpustakaan
7. Bahagian InfoTech
8. Bahagian Pengurusan Fasiliti
9. Bahagian Polis Bantuan
10. Ketua Fakulti dan Koordinator Fakulti
11. Pemimpin Minggu Destini Siswa

serta semua pihak yang telah memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung untuk menjayakan Minggu Destini Siswa Sesi Mac - Julai 2019.

Terima Kasih